

Berbuka dengan masakan 5 negara

Fakulti Perubatan Unisza beri peluang tetamu merasai juadah berlainan

KUALA NERUS - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) melalui Fakulti Perubatan buat julung kalinya menganjurkan majlis berbuka puasa bertemakan 'Masakan Antarabangsa Lima Negara'.

Kelima-lima negara yang berkenaan adalah Pakistan, Iraq, India, Myanmar dan Malaysia, sekali gus memberi peluang kepada tetamu yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah untuk merasai juadah yang berlainan berbanding masakan tradisi Melayu yang menjadi kebiasa-



Pensyarah dan pelajar bergotong-royong menyiapkan juadah.



Hidangan menarik lima negara yang dianjurkan Fakulti Perubatan Unisza.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	5:37
SYURUK	7:00
ZOHOR	1:15
ASAR	4:40
MAGHRIB	7:26
ISYAK	8:41

annya sebelum ini.

Pengarah programnya, Profesor Dr Abdul Mutalib Othman, berkata, objektif utama program itu untuk mengeratkan silaturahim antara pensyarah dan pelajar, selain meraikan warga Anak Yatim

Tunas Harapan seramai 35 orang.

"Mereka juga diberi peluang untuk merasai pengalaman memasak dan menghayati keenakan masakan dari negara luar seperti Pakistan, Iraq, India, Myanmar dan

Malaysia.

"Selain itu, turut diadakan ceramah oleh Ustaz Mahadi Mohammad dari Fakulti Kontemporari Islam yang bertajuk "Sedekah Jariah" serta solat Maghrib, majlis makan, solat Isyak dan tarawih secara

berjemaah", katanya.

Katanya lagi, meskipun program berkenaan julung kali diadakan, namun sambutan dan kerjasama begitu baik diberikan kepada semua pihak terlibat secara langsung dalam menjayakan program berkenaan.

"Alhamdulillah, melihat akan kejayaan program ber-

buka puasa yang diadakan ini diharap mampu memberi pengalaman bermakna kepada semua pihak terlibat dan dalam masa sama mengeratkan lagi hubungan.

"Justeru, diharap program ini akan diteruskan dan menjadi acara tahunan Fakulti Perubatan setiap kali tibanya Ramadhan nanti", katanya.